



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

**Presiden**  
MOHAMMAD UBADILLAH BIN ENAM @  
IMAN

**Timbalan Presiden**  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD  
RAHMAN TUDM (B)

**Naib Presiden**  
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT  
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN  
SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

**Setiausaha Kehormat**  
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

**Bendahari Kehormat**  
DATIN MAHFUZAH ZAKKIAH BINTI HJ  
ABDAIN

**Penolong Setiausaha**  
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

**Penolong Bendahari**  
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

**Ahli-ahli Jawatankuasa**  
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH  
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI  
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR  
MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU  
SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)  
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR  
DATO' MOHID BIN MOHAMED  
AISHAH BINTI MAT DESA  
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER  
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

**Juruaudit Dalam**  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya**  
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR  
KARPAL SINGH

**Pengerusi Negeri Selangor**  
DATO' DR. S. PRABAKARAN

**Pengerusi Negeri Johor**  
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

**Pengerusi Negeri Perak**  
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

**Pengerusi Negeri Kelantan**  
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

**Pengerusi Negeri Terengganu**  
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

**Pengerusi Negeri Pahang**  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

**Pengerusi Negeri Pulau Pinang**  
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

**Pengerusi Negeri Kedah & Perlis**  
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

**Pengerusi Negeri Melaka**  
DATO' SRI GAN PENG LAM

**Pengerusi Negeri Sembilan**  
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

**Pengerusi Negeri Sabah**  
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

**Pengerusi Negeri Sarawak**  
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

**Sekretariat**

**Pengurus Besar**  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2024(31)

13 JUN 2024

## SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT EDARAN PIKM KE-31/2024:** **MAKLUM BALAS MAKLUMAT PENGGUNAAN DIESEL BAGI KENDERAAN** **SYARIKAT KESELAMATAN UNTUK PERMOHONAN SISTEM KAWALAN** **DIESEL BERSUBSIDI (SKDS)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti pengumuman oleh Kerajaan pada 9 Jun 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menguatkuasakan harga runcit baharu diesel pada kadar RM3.35 seliter di Semenanjung Malaysia bermula pada 10 Jun 2024, jam 12.00 tengah malam. Harga runcit bahan api diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan pula kekal pada RM2.15 seliter.

3. Lanjutan pengumuman tersebut, Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) telah diperkenalkan khusus untuk sektor pengangkutan darat sebagai program subsidi diesel kepada kumpulan penerima yang layak mendapat manfaat daripada bantuan ini. Kerajaan telah menetapkan harga diesel kepada sektor sektor yang layak:

- 3.1 Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 yang menggunakan kaedah *fleet card* bagi kenderaan logistik berkelayakan untuk membendung kesan terhadap harga barangan pengguna, ditetapkan pada harga RM2.15 seliter;
- 3.2 Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 bagi kenderaan-kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba kekal pada harga RM 1.88 seliter;
- 3.3 Diesel bersubsidi untuk nelayan kekal pada harga RM1.65 seliter.

4. Antara syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi Syarikat yang ingin memohon diesel bersubsidi SKDS 2.0 adalah:

4.1 Perlu memastikan kenderaan milik syarikat memenuhi 23 kategori kenderaan layak yang disenaraikan Kementerian Kewangan (MoF) pada 29 Mei lalu.

4.2 Syarikat perlu memenuhi empat (4) syarat kelayakan memohon diesel bersubsidi SKDS 2.0 iaitu:

4.2.1 Syarikat mesti berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 atau entiti perniagaan tunggal atau perkongsian yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

4.2.2 Perlu mempunyai kenderaan berdaftar di bawah pemilikan syarikat / perniagaan tunggal atau perkongsian.

4.2.3 Kenderaan juga mesti mempunyai Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang berkuat kuasa atau tidak tamat tempoh selain.

4.2.4 23 kategori kenderaan layak beroperasi di Semenanjung iaitu antaranya kenderaan jenis Lori Rigid - Kargo Am, Penggerak Utama, Lori Rigid - Refrigerated, Lori Rigid - Tangki Tepung, Lori Rigid - Luton/Kotak, Window Van, Lori Rigid - Tangki Air dan Panel Van. Lori Rigid - Minuman Botol, Lori Rigid - Curtainsider, Lori Food Catering, Lori Rigid - Hasil Pertanian, Lori Tangki Rigid - Minuman, Lori Rigid - Kandang Haiwan, Semi - Panel Van. Lori Rigid - Kombinasi, Bas Perkhidmatan Bergerak, Lori Rigid - Open Platform, Van Perkhidmatan Bergerak, Bas Food Catering, Van Food Catering, Lori Rigid - Perkhidmatan Bergerak dan Lori Rigid - Sampah.

5. Terkini, beberapa pertanyaan telah dikemukakan kepada pihak PIKM berhubung subsidi yang telah dilaksanakan sama ada sektor keselamatan khususnya yang melaksanakan perkhidmatan cash-in-transit (CIT) dan membawa barangan berharga dan pekerja bertugas turut diberi pertimbangan subsidi diesel.

6. Dalam konteks ini, **PIKM akan mengambil inisiatif untuk mengemukakan permohonan subsidi diesel bagi ahli-ahli yang mempunyai kenderaan rasmi berdiesel kepada pihak KPDN.** Bagi tujuan tersebut, **ahli-ahli diminta untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan dengan menggunakan templat Excel seperti di lampiran sebagai justifikasi yang**

**setimpal kepada pihak KPDN dan perlu dikemukakan ke emel Sekretariat PIKM (info@pikm.my) pada atau sebelum 21 Jun 2024 (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang.**

7. Permohonan ini tertakluk kepada keputusan dan kelulusan KPDN. Sebarang maklum balas rasmi yang diterima daripada pihak Kementerian akan dimaklumkan kepada ahli-ahli.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN  
PRESIDEN**